

Kembali kepada perjuangan asal: PM

BH 12 JAN 2000

PUTRAJAYA, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak pemimpin dan ahli Umno supaya kembali kepada perjuangan asal untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara, seperti yang termaktub dalam perlembagaan parti.

Perdana Menteri juga mahu semua ahli meletakkan kepentingan parti dan perjuangan untuk bersatu padu sebagai agenda utama serta menjauhi daripada sikap taksub kepada individu atau pemimpin tertentu.

“Lupakan perebutan untuk kedudukan dalam parti dan kembali kepada perjuangan asal yang termaktub dalam perlemb-

bagaan dengan mengutamakan kepentingan parti daripada individu, termasuk saya.

“Kita tidak pernah berjuang untuk mana-mana individu. Saya hanya diberi kepercayaan menjadi Presiden, bukan diri saya yang penting dan memerlukan sokongan secara peribadi.

“Begitu juga pemimpin Umno. Semua pemimpin Umno harus melupakan mengenai kedudukan dalam parti, sebaliknya mengutamakan perjuangan untuk agama, bangsa dan tanah air,” katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan dengan kira-kira 100 pemimpin Umno dari seluruh negara, Dr Ma-

hathir berkata, apa yang penting sekarang ialah memastikan parti terus bersatu.

“Saya beritahu mereka siapa yang menjadi pemimpin tidak penting, tetapi yang pentingnya ialah Umno terus kekal, bersatu dan sedia menerima sesiapa saja yang dipilih sebagai pemimpin... tiada kesetiaan kepada individu,” katanya.

Dr Mahathir berkata, penerangan mengenai perkara itu penting kerana ramai yang menyertai Umno setelah parti mencapai kejayaan memajukan negara.

“Mereka ini celik mata melihat negara yang sudah maju dan kedudukan orang Melayu sudah terjamin dan mereka per-

caya kedudukan orang Melayu akan kekal sebagai bangsa dominan di Malaysia selamlamanya,” katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata dedikasi ahli Umno terhadap perjuangan parti iaitu untuk bangsa, agama dan tanah air kini menjadi soal kedua, berbanding perjuangan bagi diri sendiri dan orang kesayangan mendapat tempat.

“Jadi kesetiaan tidak lagi kepada parti, sebaliknya kepada individu dan ini merosakkan parti dan kita perlu kembali kepada perjuangan asas Umno,” katanya.

Beliau berkata, penerangan mengenai sejarah perjuangan Umno itu penting kerana ramai

46
pemimpin dan ahli menyertai Umno setelah parti mencapai kejayaan melawan Malayan Union, mencapai kemerdekaan dan memajukan negara.

Dr Mahathir menjelaskan dalam taklimatnya, beliau turut menyentuh mengenai Perhimpunan Agung Umno dan menjelaskan siapa yang menjadi pemimpin tidak penting, sebaliknya Umno kekal kukuh dan bersatu.

Ditanya apakah jawatan presiden dan timbalan presiden tidak akan ditandingi selamlamanya, beliau berkata perkara itu terserah kepada Umno dan badan yang membuat keputusan ialah perhimpunan agung parti.